Amelia Barero lwn Loretto R Padua JR

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PETISYEN PERCERAIAN NO S8–33–1112 TAHUN 2002
FAIZA TAMBY CHIK H
1 APRIL 2004

Undang-Undang Keluarga — Anak — Hak penjagaan — Pengubahan perintah penjagaan — Penukaran material dalam keadaan — Hal ehwal anak penting — Hasrat anak

Responden telah memohon di bawah s 96 Akta ('Akta tersebut') agar: (a) beliau diberi hak penjagaan, pemeliharaan dan kawalan anak beliau yang berusia sembilan tahun dan bernama Loretta Amelia B Padua; (b) beliau dibenarkan membawa Loretta pulang ke Beaufort Sabah; dan (c) pempetisyen diberi hak lawatan untuk melawat Loretta di Sabah, Responden membuat permohonan ini atas alasan pempetisyen cuai dalam tugasan mendidik Loretta dari aspek pendidikan, agama, dan aspek lain.

Pempetisyen bekerja sebagai seorang pramugari dan tinggal di Kuala Lumpur. Oleh kerana tugasan beliau sebagai pramugari beliau berada di luar negara lebih kurang 15 hari sebulan. Loretta dijaga oleh orang gaji pempetisyen apabila beliau tiada di rumah. Responden mendakwa bahawa walaupun pempetisyen berada di rumah pempetisyen lebih suka bersendirian dan tidak meluangkan masa bersama Loretta, tambahan pula pempetisyen telah membawa teman lelakinya ke rumah dan memeluk dan mencium teman lelakinya di hadapan Loretta.

Loretta dibesarkan di Beaufort Sabah sehinggalah dia berusia lapan tahun. Atas arahan mahkamah sampingan yang bertarikh 15 Oktober 2002, hak penjagaan sementara telah diberikan kepada pempetisyen dan Loretta dibawa ke Kuala Lumpur untuk tinggal bersama pempetisyen.

Diputuskan, membenarkan permohonan responden:

(1) Dengan berpindah semula ke Beaufort Sabah, Loretta boleh membesar dengan gembira di samping sepupunya dan saudara mara yang lain. Dalam temu bual bersama hakim Loretta juga menegaskan bahawa dia lebih gembira tinggal bersama responden dan keluarganya di Sabah dan hanya ingin berjumpa dengan pempetisyen sekali sekala (lihat perenggan 4).

(2) Kanak-kanak seperti Loretta memerlukan kasih sayang dan kebahagiaan yang tidak diberikan oleh pempetisyen. Pempetisyen lebih mementingkan kegembiraannya. Oleh kerana tugas pempetisyen sebagai pramugari, beliau tidak mempunyai masalah melawat Loretta di masa depan. Bila Loretta dijaga di Sabah, pemetisyen dapat melawat Loretta dua hingga tiga kali seminggu kerana sebagai pramugari, beliau mendapat diskaun tambang udara (lihat perenggan 5).

(3) Tingkah laku pempetisyen juga tidak sesuai untuk membesarkan kanak-kanak tersebut. Mahkamah juga tidak diberi apa-apa bukti bahawa tingkah laku responden tidak sesuai untuk membesarkan Loretta. Ibu dan kakak responden yang telah membesarkan Loretta sehingga Loretta berusia lapan tahun juga telah memberikan

persetujuan untuk menjaga Loretta jika hak penjagaan diberikan kepada responden (lihat perenggan 14).

(4) Jantina kanak-kanak tersebut tidak memainkan apa-apa peranan sama ada hak penjagaan patut diberikan kepada responden kerana isu-isu lain patut diambil kira dan yang penting adalah kebahagiaan kanak-kanak tersebut (lihat perenggan 12).

(5) Perubahan material di dalam keadaan rumah pempetisyen mewarankan perintah pertukaran hak penjagaan. Hasrat Loretta untuk pulang ke pangkuan responden tidak patut dipandang ringan dan isu yang paling penting di sini adalah kegembiraan Loretta dan mahkamah tidak patut mengikut keputusan yang dibuat sebelum ini (lihat perenggan 14, 18).

[**English summary**

This was the application by the respondent for an application under s 96 of the Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976 ('the Act') that: (a) he be given custody, care and control of his nine-year-old daughter, Loretta Amelia B Padua ('Loretta'); and (b) he be permitted to bring Loretta back to Beaufort, Sabah; and (c) the petitioner be given reasonable access to visit Loretta in Sabah. The respondent made the application on the grounds that the petitioner was negligent in her care of Loretta in terms of her education, religious upbringing and her overall development.

The petitioner lived in Kuala Lumpur and worked as an air-stewardess. Due to the nature of her work, she would away from home some 15 days in a month. In her absence, Loretta was cared for by a maid. The respondent alleged that even when the petitioner was at home, she preferred to be alone and did not spend time with Loretta. Further, the petitioner had brought her boyfriend home and had openly hugged and kissed him in Loretta's presence.

Loretta was brought up in Beaufort, Sabah until she was eight years old. Under the terms of an ancillary court order dated 15 October 2002, temporary custody of Loretta was granted to the petitioner and Loretta was then taken to Kuala Lumpur to live with the petitioner.

Held, allowing the respondent's application:

(1) By moving back to Beaufort, Loretta would be able to grow up happily in the midst of her cousins and relatives. Loretta had stated, in an interview by the judge, that she preferred to be with the respondent and his family in Beaufort and that she only wanted to see the petitioner every now and then (see para 4).

(2) A young girl like Loretta needed love and happiness, which could not be provided by the petitioner. The petitioner failed to consider Loretta's happiness, welfare and safety and instead was more concerned with her own happiness and enjoyment. There would not be any problem for the petitioner visiting Loretta in Beaufort in the future. When Loretta was cared for by the respondent in Beaufort in the past, the petitioner was able to visit her two to three times per week because as an air-stewardess, she was entitled to discounted air fares (see para 5).

(3) The petitioner's behaviour and attitude was inappropriate for the bringing up of a child. On the other hand, there was no evidence that the respondent had been negligent in any aspect of Loretta's upbringing when she was being cared for by him prior to the ancillary court order. Further, the respondent's mother and sister, who had taken care of Loretta until she was eight years old had agreed to take care of her again if the court were to grant custody in favour of the respondent (see para 14).

(4) The sex of the child had no bearing on the question of whether custody should be given to respondent or otherwise as all the facts should be considered; bearing in mind the paramount interests of the child (see para 12).

(5) The material change in the circumstances in the petitioner's house warranted an order of change of custody. Loretta's desire to return to the respondent should also be taken into account. Paramount consideration should be given to her welfare and accordingly, this court should not be bound by the ancillary court order (see paras 14, 18).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai hak penjagaan anak, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 2727–2837.

Untuk hak penjagaan anak, lihat 8 *Halsbury's Laws of Malaysia* (2003 Reissue) perenggan [140.078]–[140.105].

Kes-kes yang dirujuk

Chan Bee Yen v Yap Chee Kong [1989] MLJ 370 (dirujuk)
Goh Kim Hwa v Khoo Swee Huah [1986] 2 MLJ 156 (dirujuk)
Helen Ho Quee Neo v Lim Pui Heng [1974] MLJ 51 (dirujuk)
K Shanta Kumari v Vijayan [1986] MLJ 216 (dirujuk)
Sivajothi a/p Suppiah v Kunathasan a/l Chelliah (No 2) [2002] 2 MLJ 645 (dirujuk)
Yong May Inn v Sia Kuan Seng [1971] MLJ 280 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ss 53, 96

RS Sodhi (Watson Peters & Mohd Fuad) bagi pihak pempetisyen isteri.
A Nagarajan (A Nagarajan) bagi pihak responden suami.

Faiza Tamby Chik H:

[1] Ini adalah suatu permohonan oleh responden di bawah s 96 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 (Akta tersebut) melalui saman dalam kamar bertarikh 20 Februari 2004 yang memohon supaya responden diberi hak penjagaan, pemeliharaan dan kawalan (custody, care and control) anak perkahwinan, Loretta Amelia B Padua (anak

tersebut). Responden juga memohon supaya dibenarkan membawa anaknya ke Sabah dan seterusnya pempetisyen diberi akses yang munasabah untuk melawat anaknya di Sabah. Responden terpaksa membuat permohonan ini kerana pempetisyen telah cuai dalam menjaga kepentingan anak perkahwinan Loretta Amelia B Padua, dari segi pelajaran, tidak memberi asuhan agama, kebudayaan dan dalam segala aspek pembesarannya dan sebaliknya pempetisyen mementingkan kebahagiaan dan kepentingan beliau.

[2] Dapat diperhatikan bahawa pempetisyen dan responden telah merekodkan suatu perintah persetujuan injunksi bertarikh 15 Oktober 2002. Di antara lain, terma-terma perintah persetujuan injunksi itu ialah, Responden dihalang daripada mengalihkan anak perkahwinan Lorreta Amelia B Padua daripada jagaan dan kawalan Pempetisyen atau membawa anak perkahwinan Loretta Amelia B Padua daripada Semenanjung Malaysia tanpa kebenaran mahkamah sehingga perintah mahkamah selanjutnya, dan selanjutnya responden diberikan akses pada tiap-tiap hari Sabtu dan Ahad. Perintah mahkamah bertarikh 15 Oktober 2002, membenarkan di antara lain, hak penjagaan anak perkahwinan diberi kepada pempetisyen. Hak penjagaan yang diberi ini adalah sementara sahaja sehingga pendengaran penuh atas kes. Lagipun, perintah itu (ancillary order) mengenai hak penjagaan anak perkahwinan berakhir dengan '… atau perintah mahkamah selanjutnya.' Ungkapan ini membolehkan mahkamah menyemak kembali isu hak penjagaan apabila keadaan atau situasi memerlukan. Sebelum perintah injunksi direkodkan Mahkamah tidak mempunyai peluang untuk menyemak atau menganalisa adakah pempetisyen berkelayakan, bertanggungjawab dan mempunyai perwatakan yang sesuai untuk menjaga dan membesarkan anak. Perintah mahkamah bertarikh 15 Oktober 2002 adalah untuk menjaga (maintain) status quo sehingga kes dibicarakan.

[3] Pempetisyen adalah seorang pramugari dengan Malaysia Airline System Bhd. Beliau tidak mempunyai masa yang banyak di rumahnya kerana tugasnya sekarang merangkumi destinasi antarabangsa (lihat perenggan 2 afidavit responden yang diikrarkan pada 19 Februari 2004). Pempetisyen mengakui dalam Afidavitnya bahawa lebih kurang 15 hingga 16 hari dalam sebulan beliau berada di luar negara (perenggan 4 afidavit pempetisyen yang diikrarkan pada 25 Mac 2004). Pada masa itu, anak perkahwinan dijaga oleh seorang pembantu rumah. Walau bagaimanapun, pempetisyen tidak mengekshibitkan sebarang dokumen atau 'work permit' yang sah bagi pembantu rumah yang menjaga Loretta Amelia B Padua. Dapat diperhatikan bahawa perkara yang sangat merunsingkan anak tersebut ialah tingkah laku pempetisyen membawa teman lelakinya lalu memeluk dan mencium di hadapan anaknya buat selama ini (lihat perenggan 3 dan 4 afidavit respodnen yang diikrarkan pada 19 Februari 2004). Jadi adalah jelas dengan tingkah laku pempetisyen sedemikian dan keadaan persekitaran di rumah pempetisyen langsung tidak bersesuaian untuk pembesaran dan pembelajaran anak tersebut. Pempetisyen langsung tidak menghiraukan keperluan pendidikan anak tersebut. Beliau langsung tidak menyemak pelajarannya (lihat perenggan 5 afidavit responden yang diikrarkan pada 19 Februari 2004). Lagipun dapat diperhatikan bahawa dalam masa yang

singkat selama 15 hingga 16 hari sebulan pempetisyen berada di rumah, pempetisyen tidak ingin bermesra dengan anaknya. Sebaliknya, pempetisyen ingin berseorangan dalam biliknya sendiri. Ini telah menyebabkan anak tersebut berasa berseorang kerana tiada komunikasi di antara ibu/pempetisyen dan anaknya (perenggan-perenggan 15 dan 16 afidavit responden yang diikrarkan pada 19 Februari 2004). Jadi, oleh kerana anak tersebut terdedah kepada gejala-gejala yang tidak sihat dan pempetisyen ingin berseorangan, maka perangai, akhlak, pembangunan emosi dan mental anak tersebut tetap akan terganggu dan terancam. Dapat diperhatikan bahawa pempetisyen lebih suka mementingkan kegembiraan dirinya dan bukan bagi kebaikan, kebajikan dan kebahagiaan masa depan anaknya.

[4] Saya telah menemuduga anak tersebut pada 20 Februari 2004. Saya dapati anak tersebut seorang anak yang cerdik dan telah meluahkan perasaannya dengan terbuka kepada saya. Anak tersebut ingin bersama dengan bapa dan keluarga bapanya di Beaufort, Sabah kerana ibunya di sini jarang bercakap atau berbual dengannya. Anak tersebut memberitahu saya bahawa dia ingin bersekolah di Sabah bersama-sama dengan sepupunya di sana. Dia hanya ingin berjumpa dengan ibunya sesekali sahaja.

[5] Responden juga memohon supaya anaknya dibawa balik ke Beaufort, Sabah untuk dijaga olehnya, ibu dan kakaknya. Anak tersebut sebenarnya dibesarkan di Beaufort, Sabah sejak berumur empat bulan hingga lapan tahun sebelum dipindahkan ke Kuala Lumpur dengan tiba-tiba oleh pempetisyen (lihat eksibit LP-1 dalam perenggan 10 afidavit responden yang diikrarkan pada 19 Februari 2004). Saya berpendapat lagipun, dengan dipindahkan semula anaknya ke Beaufort, anak tersebut dapat dibesarkan serta bermesra dengan sepupu-sepupunya serta kakak dan adik beradik responden dan pempetisyen di sana. Mereka semua tinggal dalam suatu perkarangan. Pembesaran anak tersebut di Beaufort akan mendedahkan anak itu kepada kebudaayaan, asuhan agama dan cara kehidupan masyarakat responden. Ini akan mengeratkan tali persaudaraan di antara anak dengan responden dan keluarga responden. Ini secara tidak langsung akan menjadikan anak tersebut dapat hidup dalam suasana aman dan tenteram (lihat perenggan-perenggan 10 dan 11 afidavit responden yang diikrarkan pada 19 Februari 2004). Lagipun, responden akan berada di rumah setiap hari untuk menjaga anaknya bersama ibu dan kakaknya dan bukan oleh pembantu rumah. Responden akan membesarkan anaknya dalam keadaan dan persekitaran kekeluargaan yang selesa dan sempurna bagi seorang anak yang membesar. Anak yang berumur dalam lingkungan 9 tahun perlukan kasih sayang dan kemesraan di mana ianya saya berpendapat gagal diberi oleh pempetisyen. Di sini pempetisyen gagal memberi kepentingan kepada kebahagiaan, kebajikan dan keselamatan anak tersebut tetapi lebih mementingkan kebahagiaan, keseronokan dan kegembiraannya sendiri. Tambahan pula, semasa anak tersebut dijaga dan dibesarkan oleh responden sejak umur empat bulan hingga lapan tahun di Beaufort, pempetisyen datang ke Sabah dua atau tiga kali seminggu setiap minggu tanpa sebarang kesukaran dan kesusahan kerana sebagai seorang pramugari tambang penerbangan adalah sangat murah sekali. Jika hak penjagaan diberi kepada responden,

maka apabila pempetisyen melawat anaknya di Beaufort, Sabah pempetisyen boleh tinggal di rumah kakak dan adiknya sendiri yang tinggal dalam perkarangan yang sama.

[6] Saya mendapati selepas menemuduga anak tersebut bahawa fakta yang kukuh ini, terutama tentang tingkahlaku pempetisyen dan perwatakan beliau adalah daripada mulut anak tersebut dan bukannya daripada pihak ketiga. Jadi adalah tidak munasabah untuk menyatakan bahawa tuduhan-tuduhan dalam afidavit-afidavit responden tidak berasas. Saya mendapati anak tersebut menyuarakan persetujuannya untuk tinggal dengan responden. Dia memberitahu saya bahawa ibunya suka berseorangan seperti yang dinyatakan dalam afidavit responden dan dia berasa tidak puas hati melihat ibunya dengan teman lelakinya (nama diberitahu kepada saya dalam temuduga), dan tidak dapat bergaul dengan sepupu-sepupunya yang berumur sebayanya dan berasa keseorangan di sini.

[7] Dalam kes *K Shanta Kumari v Vijayan* [1986] MLJ 216, Wan Yahya H memutuskan sedemikian:

> Held: (1) in deciding the question of custody under Section 11 of the Guardianship of Infants Act 1961, it is imperative for the Court to note that no parent enjoys an earlier or superior right over the child and that the welfare of the infant should be the paramount consideration. The care, comfort and attention as well as the well-being and happiness of the child are relevant matters to be considered. The Court may also look to the conduct of the parties and decide which of the two houses can offer the child the better security and stability.

[8] Dalam kes itu, Wan Yahya H memberi pertimbangan bahawa perangai kedua-dua pihak juga adalah relevan dan harus dipertimbangkan sebelum mahkamah membuat sebarang keputusan. Dalam kes kita adalah jelas perangai dan tingkahlaku pempetisyen langsung tidak bersesuaian untuk menjaga dan memelihara anak atas fakta yang diikrarkan dalam afidavit responden. Lagipun, anak perkahwinan telah dijaga dan dibesarkan sejak berumur empat bulan hingga lapan tahun oleh responden dan tiada bukti diberi bahawa responden telah cuai dalam segala aspek pembesaran anak tersebut. Segala tuduhan dalam afidavit pempetisyen menyokong yang permohonan injunksi (yang diikrarkan pada 19 September 2002) adalah dibuktikan tidak berasas sama sekali. Lagipun ibu dan kakak responden yang telah menjaga anak tersebut sejak empat bulan hingga lapan tahun bersedia untuk berbuat demikian jika mahkamah memutuskan untuk memberi hak penjagaan kepada responden. Pempetisyen tidak memberitahu siapa yang akan menjaga anaknya disini.

[9] Dalam kes *Yong May Inn v Sia Kuan Seng* [1971] MLJ 280, Sharma H merujuk kepada kes-kes berikut dalam keputusannya:

> In the case of *In re MacGrath*(I) Lindley LJ delivering the judgment of the Court of Appeal said:
>
> 'The dominant matter for the consideration of the court is the welfare of the child. But the welfare of a child is not to be measured by money only, nor by physical comfort only. The word welfare must be taken in its widest sense. The moral and religious welfare of the child must be considered as well as its physical well-being. Nor can the ties of affection be disregarded.

The term 'welfare' means that every circumstance must be taken into consideration and the court must do what under the circumstances a wise parent acting for the true interests of the child would or ought to do.'

[10] Dalam kes kita adalah jelas bahawa daripada fakta yang diikrarkan oleh responden, responden telah melakukan segala yang patut dilakukan oleh seseorang bapa demi kepentingan dan kebahagiaan anaknya. Dalam pada itu, pempetisyen telah gagal sejak 15 Oktober 2002, untuk menunaikan tugasnya sebagai seorang ibu yang bertanggungjawab, seperti tingkahlaku yang tidak bermoral, tidak memberi asuhan agama, tidak menunjukkan minat dalam pendidikan dan penting sekali tidak ingin bermesra dengan anak dan tidak berada dalam negara selama 15 hingga 20 hari sebulan.

[11] Dalam kes *Helen Ho Quee Neo v Lim Pui Heng* [1974] MLJ 51, Hakim Mahkamah Rayuan Singapura, Hakin Winslow memutuskan dalam kesnya seperti berikut:

Held: (1) all relevant factors have to be considered including the conduct of the parties and their characters, bearing in mind that the welfare of the child is the first and paramount consideration. No hard and fast rule can be laid down based on the sex of the parent or the child as to who should have its care and control and/or custody.

(2) the expression 'custody' does not mean an indivisible whole, it is divisible into constituent elements which could enable the court to give care and control of a child to one parent and to give access and the remaining constituent elements of custody to the other.

All the relevant facts and circumstances should be considered bearing in mind the paramount interests of the child even though no hard and fast rule can be laid down based on the sex of the parent or the child as to who should have its care and control and/or custody. In our view, the correct approach is summed up admirable by Harman IJ in Re C(A) (an infant) as follows:

I can see nothing wrong in the consideration of the law which the learned judge applied. He did not, I think, give too much weight to the father's position. He looked, as he should, at the whole background and considered where had the infant better be — and that is really the only question that the court has to ask. I do not at all agree with expressions of opinion which have fallen, perhaps per in curiam, from judges that a boy should, as a matter of principle, be with his father — just as much as I disagree with other 'principle' which has altogether been abandoned, that a girl of under three should, as a matter of principle, be with her mother. Other things being equal, these things may be so, but there is no principle involved in either. They are merely considerations which may weigh the judge where the scales are nicely balanced.

[12] Jadi, mengikut kes di atas, isu bahawa oleh kerana anak yang terlibat adalah seorang anak perempuan adalah langsung tidak kena mengena supaya jagaan, kawalan dan peliharaan diberi kepada pempetisyen. Mahkamah harus mempertimbangkan semua fakta demi kepentingan dan kebahagiaan anak tersebut sebelum memutuskan tanpa mengira jantina anak.

[13] Dalam kes *Chan Bee Yen v Yap Chee Kong* [1989] MLJ 370, Peh Swee Chin H memutuskan bahawa:

> As regards the change of residence on granting custody to the wife, it was not a matter of the mother being away from the infant for some time and had suddenly come in from the cold to claim him. The mother had been staying with the other child till the father took the infant back from a school to which the wife had sent the infant. This situation was not as grave as 'uprooting' and any unhappy effects of such change of residence would be much more mercifully transient especially since the court later granted the husband daily access in respect of the infant.

[14] Dalam kes kita seperti yang dinyatakan oleh responden dalam afidavitnya anak tersebut dibesarkan oleh responden sejak berumur empat bulan hinggalah lapan tahun semasa anak itu hampir tamat darjah dua apabila pempetisyen dengan tiba-tiba tanpa sebarang alasan telah melarikan anaknya daripada Beaufort. Ini adalah satu fakta yang tidak boleh dinafikan oleh pempetisyen. Akibat tindakan pempetisyen itu anaknya telah mengalami 'cultural shock' dan juga pendidikannya terganggu. Jadi, jika mahkamah memberi kawalan, jagaan dan pemeliharaan kepada responden maka anak tersebut akan kembali kepada pangkuan persekitaran yang sudah biasa dan selesa dan anak itu akan membesar tanpa sebarang masalah. Dalam kes kita setelah mahkamah menimbang dan meneliti fakta yang diikrarkan oleh kedua-dua pihak, menemuramah anak tersebut di mana anak tersebut telah menunjukkan keinginannya/hasratnya untuk tinggal bersama responden atas beberapa sebab, maka saya memutuskan supaya jagaan, kawalan dan peliharaan diberi kepada responden. Jika mahkamah memberi jagaan, kawalan dan pemeliharaan kepada pempetisyen, maka anak itu akan dijaga oleh seorang pembantu rumah, pihak ketiga dan bukan oleh pempetisyen yang berada selama 15 hingga 20 hari sebulan di luar negara akibat jenis pekerjaan sebagai pramugari yang merangkumi destinasi antarabangsa. Sebaliknya, Responden akan berada di rumah setiap hari. Lagipun, tingkah laku dan perangai pempetisyen adalah tidak sesuai untuk menjaga anak tersebut.

[15] Dalam kes *Goh Kim Hwa v Khoo Swee Huah* [1986] 2 MLJ 156, Siti Norma Yaakob H (ketika itu) memutuskan bahawa:

> Held: (1) a material change in circumstances had occurred in this case that warranted an order of change of custody, subject to what the three children had to say for themselves. The custody of the eldest boy would be given to the father and the custody of the two girls to the mother.
>
> Whether or not there has been a material change in the status quo of the party to whom custody has been granted must depend on the facts of each case. The presence of the respondent's mistress in the matrimonial home can hardly be described as conducive to the welfare and proper upbringing of a 13 year old boy and his two sisters aged 12 and 9. No right thinking parent can deny that the immoral arrangement by the respondent must have a negative effect on the minds of the three young children. Apart from this, I doubt whether the respondent can spend much time with them as his hours of work as a doctor, running three clinics stretch well into the night. Instances of neglect and cruelty were also cited by the applicant but the respondent chooses to brush these aside as his way of chastising his children and inculcating a sense of discipline into them as he admits that they come from a trouble home.

[16] Dalam kes *Sivajothi a/p Suppiah v Kunathasan a/l Chelliah (No 2)* [2002] 2 MLJ 645, Mohd Hishamudin H memutuskan bahawa:

> In the light of the proven material change in circumstances, it was to her best interest that Venothini be allowed to live with her father. To deny Venothini her wish would be unreasonable and cruel. The Court must give paramount consideration to the welfare and happiness of the child.
>
> In the light of s 96 of the Act, which clearly confers on the Court the power to vary or rescind the previous order of 15 December 1999, if there has been a material change in circumstances affecting the well-being of the child subsequent to the making of the order, the issues of res judicata, estoppel, and lack of jurisdiction, as raised by the plaintiff, are all irrelevant.

[17] Seksyen yang mengawal pembatalan atau pengubahan perintah mengenai hak penjagaan atau nafkah kanak-kanak adalah s 96 Akta tersebut yang menyatakan seperti berikut:

> The Court may at any time and from time to time vary, or may rescind, any order for the custody of maintenance of a child on the application of any interested person, where it is satisfied that the order was based on any misrepresentation or mistake of fact or where there has been any material change in the circumstances.

[18] Seperti yang diputuskan oleh Mohd Hishamudin H dalam kes *Sivajothi a/p Suppiah v Kunathasan a/l Chelliah (No 2)* terdapat perubahan material dalam kes kita di sini, iaitu keadaan di rumah pempetisyen sejak perintah injunksi diberi oleh mahkamah didapati langsung tidak sesuai seperti yang dinyatakan di atas. Keinginan/hasrat anak perkahwinan setelah ditemuramah oleh saya harus juga diambilkira. Fakta yang penting sekali ialah akhlak, perangai dan perwatakan pempetisyen yang mementingkan kebahagiaannya sekarang lebih daripada kepentingan dan kebahagiaan masa depan anak tersebut. Mahkamah harus memberi kepentingan utama kepada kebahagiaan anak. Kebajikan dan kebahagiaan anak perkahwinan adalah amat penting sekali dan mahkamah mengambil berat perkara ini dan seterusnya mahkamah sekarang tidak harus terikat kepada injunksi mahkamah bertarikh 15 Oktober 2002 sebelum ini demi kepentingan anak, dan dengan ini injunksi tersebut dilapangkan. Lagipun adalah jelas bahawa segala tuduhan pempetisyen dalam afidavitnya yang diikrarkan pada 19 September 2002 bahawa responden adalah kejam dan sebagai menyokong injunksi didapati adalah tidak berasas dengan laluan masa (with the passage of time).

[19] Atas alasan di atas perintah seperti dipohon (PSP). Lampiran (46) dibenarkan akan tetapi setiap pihak menanggung kosnya sendiri.

Permohonan responden dibenarkan.

Dilaporkan oleh Lim Lee Na